



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS: 8/2026

STATUS PROJEK NAIK TARAF STADIUM HOKI TAN SRI DATO' HAJI MOHD SAID, SEREMBAN 2

24 JANUARI 2026

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengambil maklum laporan yang disiarkan oleh *New Straits Times* berhubung status pelaksanaan Projek Naik Taraf Stadium Hoki Tan Sri Dato' Haji Mohd Said, Seremban 2, Negeri Sembilan.

Untuk makluman, projek naik taraf berkenaan telah ditender pada 24 Disember 2025 dan iklan tender tersebut dijangka ditutup pada 12 Februari 2026. Seterusnya, kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada Mei 2026, tertakluk kepada proses penilaian dan pelantikan kontraktor.

KBS ingin menjelaskan bahawa projek ini mengalami sedikit kelewatan berikutan keperluan melalui beberapa proses penyelarasan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Antara proses yang perlu diselesaikan ialah kerja-kerja ukur tanah, pindaan spesifikasi, serta pemuktamadan reka bentuk konsep, yang memerlukan pengesahan pihak pelanggan sebelum tender dapat dilaksanakan. Semua perkara ini juga perlu selaras dengan siling bajet yang telah diluluskan.

Projek ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi pelaksana, dan KBS sentiasa memantau perkembangan projek bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar serta mematuhi garis masa yang telah ditetapkan.

KBS berharap bila projek ini siap ia akan memanfaatkan rakyat khususnya di Negeri Sembilan dan akan memangkinkan pembangunan sukan khususnya hoki. KBS kekal komited dalam merakyatkan dan membudayakan sukan selari dengan aspirasi Madani ke arah pembentukan negara yang sihat.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

